

D.R. 64/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan tajuk panjang

2. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini,

dipinda dengan menggantikan tajuk panjang dengan tajuk panjang yang berikut:

“Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan pengubahan wang haram dan kesalahan pembiayaan aktiviti terhad termasuk percambahan senjata pemusnah besar-besaran, langkah-langkah yang hendaklah diambil bagi mencegah kesalahan pengubahan wang haram, kesalahan membiayai keganasan dan kesalahan membiayai aktiviti terhad dan untuk mengadakan peruntukan bagi pelucuthakan harta yang terlibat dalam atau yang diperoleh daripada kesalahan pengubahan wang haram, kesalahan pembiayaan keganasan dan kesalahan pembiayaan aktiviti terhad, serta harta pengganas dan harta pencambah, hasil daripada aktiviti haram dan peralatan kesalahan, dan bagi perkara yang bersampingan dan berkaitan dengannya.”.

Pindaan seksyen 1

3. Subseksyen 1(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Pencegahan Pembiayaan Keganasan” perkataan “, Pencegahan Pembiayaan Aktiviti Terhad”.

Pindaan seksyen 3

4. Subseksyen 3(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “agensi penguat kuasa” takrif yang berikut:

‘ “agensi penyelarasan” ertinya mana-mana agensi yang mempunyai fungsi penyelarasan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan kesalahan berat di bawah Akta ini;’;

(b) dengan memasukkan selepas takrif “aktiviti haram” takrif yang berikut:

‘ “aktiviti terhad” mempunyai erti yang sama seperti dalam seksyen 2 Akta Perdagangan Strategik 2010 [Akta 708];’;

(c) dengan memasukkan selepas takrif “harta” takrif yang berikut:

‘ “harta pencambah” ertinya—

(a) hasil daripada pelakuan mana-mana aktiviti terhadap;

(b) harta yang telah digunakan, sedang digunakan, atau yang berkemungkinan akan digunakan oleh pencambah untuk melakukan mana-mana aktiviti terhadap;

(c) harta yang dimiliki atau yang dikawal oleh atau bagi pihak pencambah untuk melakukan mana-mana aktiviti terhadap, termasuk dana yang diperolehi atau dihasilkan daripada harta itu; atau

(d) harta yang telah dikumpul bagi maksud memberikan sokongan kepada pencambah atau memberikan dana bagi mana-mana aktiviti terhadap;’;

(d) dalam takrif “institusi kewangan”, dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “bank pelaburan” dengan perkataan “bank pelaburan berlesen”;

(e) dalam takrif “kesalahan berat”—

(i) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) mana-mana kesalahan di bawah undang-undang persekutuan yang berkenaan dengannya hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan itu ialah pemenjaraan bagi tempoh satu tahun atau lebih;” dan

(ii) dalam perenggan (b) dan (c), dengan menggantikan perkataan “mana-mana kesalahan itu” dengan perkataan “mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) atau (aa)”;

- (f) dengan memasukkan selepas takrif “kesalahan berat asing” takrif yang berikut:

‘ “kesalahan membiayai aktiviti terhad” ertinya suatu kesalahan di bawah seksyen 66H;’;

- (g) dengan memasukkan selepas takrif “pelanggan” takrif yang berikut:

‘ “pencambah” ertinya mana-mana orang yang—

(a) melakukan atau mencuba untuk melakukan mana-mana aktiviti terhad;

(b) menyertai atau memudahkan pelakuan mana-mana aktiviti terhad; atau

(c) ditetapkan sebagai pengguna akhir terlarang di bawah subseksyen 8(2) Akta Perdagangan Strategik 2010;’;

- (h) dengan memasukkan selepas takrif “pihak berkuasa berwibawa” takrif yang berikut:

‘ “pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan” ertinya orang yang dilantik di bawah subseksyen 7A(1);’; dan

- (i) dengan menggantikan takrif “transaksi” dengan takrif yang berikut:

‘ “transaksi” termasuklah—

(a) suatu perkiraan untuk membuka suatu akaun yang melibatkan dua orang atau lebih dan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan akaun itu; atau

(b) penghantaran, pemindahan atau pertukaran, yang melibatkan dana atau mata wang oleh mana-mana orang;’.

Pindaan seksyen 4

5. Subseksyen 4(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “apabila disabitkan boleh dipenjarakan” dengan perkataan “hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan”; dan
- (b) dengan memotong perkataan “juga boleh”.

Seksyen baharu 7A

6. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 7 seksyen yang berikut:

“Fungsi pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan

7A. (1) Menteri Kewangan boleh, atas syor pihak berkuasa berwibawa dan setelah berunding dengan Menteri Dalam Negeri bagi maksud Bahagian VIA, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, melantik mana-mana orang untuk menjadi pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan dan orang itu hendaklah mempunyai segala fungsi yang diberikan kepada pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan di bawah Akta ini sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kewangan.

(2) Pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan boleh, setelah berunding dengan Menteri Dalam Negeri bagi maksud Bahagian VIA, memberikan kuasa kepada mana-mana pegawainya atau mana-mana orang lain untuk melaksanakan mana-mana atau kesemua fungsinya di bawah Akta ini sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kewangan.”.

Pindaan seksyen 8

7. Seksyen 8 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (2)(b), dengan memasukkan selepas perkataan “agensi penguat kuasa” perkataan “atau agensi penyelarasan”;

- (b) dalam perenggan (2)(c), dengan menggantikan perkataan “Bahagian IV kepada agensi penguat kuasa” dengan perkataan “Bahagian IV, VIA dan VIB kepada agensi penguat kuasa atau agensi penyelarasan”; dan
- (c) dalam perenggan (3)(c), dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa pengawasan, agensi penguat kuasa dan institusi pelapor yang berkaitan” dengan perkataan “pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan bagi sesuatu institusi pelapor, agensi penguat kuasa, agensi penyelarasan dan institusi pelapor yang berkaitan”.

Pindaan seksyen 9

8. Subseksyen 9(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “mana-mana agensi penguat kuasa atau pegawainya yang ditentukan” dengan perkataan “mana-mana agensi penguat kuasa atau agensi penyelarasan, atau pegawai yang ditentukan bagi agensi penguat kuasa atau agensi penyelarasan itu”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “fungsi agensi penguat kuasa itu” dengan perkataan “fungsi agensi penguat kuasa atau agensi penyelarasan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan”.

Pindaan seksyen 10

9. Seksyen 10 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) dan (2), dengan menggantikan perkataan “sesuatu kesalahan pengubahan wang haram atau kesalahan membiayai keganasan atau kesalahan yang pada sebahagian besarnya adalah serupa dengan mana-mana satu kesalahan itu” dengan perkataan “sesuatu kesalahan pengubahan wang haram, kesalahan membiayai keganasan, kesalahan membiayai aktiviti terhad atau kesalahan yang pada sebahagian besarnya adalah serupa dengan mana-mana kesalahan itu”; dan
- (b) dalam perenggan (3)(a), dengan menggantikan perkataan “sesuatu kesalahan pengubahan wang haram atau kesalahan membiayai keganasan atau sesuatu kesalahan

yang pada sebahagian besarnya adalah serupa dengan mana-mana satu kesalahan itu” dengan perkataan “sesuatu kesalahan pengubahan wang haram, kesalahan membiayai keganasan, kesalahan membiayai aktiviti terhad atau kesalahan yang pada sebahagian besarnya adalah serupa dengan mana-mana kesalahan itu”.

Pindaan seksyen 12

10. Subseksyen 12(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “, suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”.

Pindaan seksyen 13

11. Seksyen 13 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Sesuatu institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu hendaklah menyimpan suatu rekod semua transaksi atau aktiviti domestik dan antarabangsa.”;

(b) dalam subseksyen (3)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “transaksi” di mana-mana jua terdapat perkataan “atau aktiviti”;

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) identiti dan alamat orang yang berupa sebagai bertindak bagi pihak pelanggan dalam membuka akaun atau bagi menjalankan transaksi atau aktiviti itu, jika berkenaan;”;

(iii) dengan memotong perkataan “secara bertulis”;

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Bagi maksud subseksyen (2) dan (3), pihak berkuasa berwibawa boleh mengeluarkan apa-apa arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak kepada, atau mengenakan apa-apa syarat ke atas, institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu sebagaimana yang didapati perlu oleh pihak berkuasa berwibawa.

(3B) Institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu hendaklah mematuhi arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak yang dikeluarkan, atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (3A).”;

- (d) dengan memotong subseksyen (4); dan

- (e) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) sebagaimana yang dipotong subseksyen yang berikut:

“(5) Mana-mana institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu yang melanggar subseksyen (1) atau (3B) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit.”.

Pindaan seksyen 14

12. Seksyen 14 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “transaksi” di mana-mana jua terdapat perkataan “atau aktiviti”;

(ii) dalam perenggan (c)—

(A) dengan memasukkan selepas perkataan “transaksi” di mana-mana jua terdapat perkataan “, aktiviti”; dan

(B) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(d) apa-apa transaksi, aktiviti atau harta jika mana-mana pegawai atau pekerja institusi pelapor itu mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa transaksi, aktiviti atau harta yang terlibat itu berhubungan atau berkaitan dengan, digunakan atau diniatkan untuk digunakan bagi atau oleh, mana-mana aktiviti terhad, pencambah atau orang yang membiayai aktiviti terhad itu;

(e) apa-apa transaksi atau aktiviti mencurigakan sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa.”;

(b) dengan memotong subseksyen (2); dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) sebagaimana yang dipotong subseksyen yang berikut:

“(3) Bagi maksud seksyen ini, pihak berkuasa berwibawa boleh mengeluarkan apa-apa arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak kepada, atau mengenakan apa-apa syarat ke atas, institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu mengenai mekanisme pelaporan dan cara untuk mengesan corak tabiat yang melibatkan transaksi atau aktiviti mencurigakan.

(4) Institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu hendaklah mematuhi arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak yang dikeluarkan, atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (3).

(5) Mana-mana institusi pelapor yang melanggar subseksyen (1) atau mana-mana institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor yang melanggar subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit.”.

Pindaan seksyen 14A

13. Subseksyen 14A(4) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “seksyen 6 Akta Syarikat 1965” dengan perkataan “seksyen 7 Akta Syarikat 2016”.

Penggantian seksyen 15

14. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 15 dengan seksyen yang berikut:

“Pemusatan maklumat

15. (1) Sesuatu institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu hendaklah menubuhkan, mentadbir dan menyenggara suatu sistem bagi pemusatan maklumat yang dikumpul menurut Bahagian ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), pihak berkuasa berwibawa boleh mengeluarkan apa-apa arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak kepada, atau mengenakan apa-apa syarat ke atas, institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu mengenai bentuk dan cara pemusatan maklumat.

(3) Institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu hendaklah mematuhi arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak yang dikeluarkan, atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (2).

(4) Mana-mana institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor yang melanggar subseksyen (1) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit.”.

Pindaan seksyen 16

15. Seksyen 16 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “Sesuatu institusi pelapor” perkataan “, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu”;

(b) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “Sesuatu institusi pelapor” perkataan “, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu”; dan

(ii) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) tanpa mengira apa-apa amaun, terdapat syak yang munasabah mengenai pelakuan kesalahan pengubahan wang haram, kesalahan membiayai keganasan atau kesalahan membiayai aktiviti terhad;”;

(c) dalam subseksyen (3) dan (4), dengan memasukkan selepas perkataan “Sesuatu institusi pelapor” perkataan “, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu”;

(d) dalam subseksyen (5)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa pengawasan” dengan perkataan “pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “atau garis panduan kepada institusi pelapor” dengan perkataan “, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak kepada, atau mengenakan syarat ke atas, institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu”;
- (iii) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “atau kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “, kesalahan membiayai keganasan atau kesalahan membiayai aktiviti terhad”; dan
- (iv) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “tambahan” perkataan “dan berterusan”;

(e) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(5A) Institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu hendaklah mematuhi arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak yang dikeluarkan, atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (5).”;

(f) dalam subseksyen (6), dengan memasukkan selepas perkataan “Sesuatu institusi pelapor” perkataan “, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu”;

(g) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

“(6A) Mana-mana institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu yang melanggar

subseksyen (1), (2), (3), (4), (5A) atau (6) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit.”; dan

(h) dalam subseksyen (7)—

(i) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) “aktiviti” merujuk kepada suatu aktiviti tunggal atau suatu siri aktiviti termasuklah apa-apa aktiviti yang dicuba atau aktiviti yang dicadangkan bagi maksud aktiviti yang dijalankan oleh sesuatu institusi pelapor di bawah Jadual Pertama dan sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa;”;

(ii) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;

(iii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah; dan

(iv) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) “transaksi” merujuk kepada suatu transaksi tunggal atau suatu siri transaksi termasuklah apa-apa transaksi yang dicuba atau transaksi yang dicadangkan atau apa-apa transaksi yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa menurut apa-apa arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak yang dikeluarkan, atau apa-apa syarat yang dikenakan di bawah Akta ini.”.

Pindaan seksyen 17**16. Seksyen 17 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “institusi pelapor” perkataan “, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “disempurnakan atau dibatalkan” perkataan “, mengikut mana-mana yang terkemudian”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Sesuatu institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu hendaklah juga menyenggara rekod bagi membolehkan pembentukan semula apa-apa transaksi atau aktiviti.”;

(c) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “institusi pelapor” perkataan “, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu”; dan

(d) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “institusi pelapor yang” dengan perkataan “institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu yang”.

Pindaan seksyen 18**17. Seksyen 18 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “lazimnya dikenali, institusi pelapor itu” perkataan “, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(5A) Bagi maksud subseksyen (1), (2) dan (3), pihak berkuasa berwibawa boleh mengeluarkan apa-apa arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak kepada, atau mengenakan apa-apa syarat ke atas, institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor mengenai pembukaan akaun atau penjalanan hubungan perniagaan, transaksi atau aktiviti atas nama rekaan, palsu atau tidak betul.

(5B) Institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu hendaklah mematuhi arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak yang dikeluarkan, atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (5A).”.

Pindaan seksyen 19

18. Seksyen 19 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “Sesuatu institusi pelapor” perkataan “, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “rancangan, polisi, tatacara dan kawalan dalaman” perkataan “, sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa,”;

(b) dalam subseksyen (3) dan (5), dengan memasukkan selepas perkataan “Sesuatu institusi pelapor” perkataan “, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(6) Bagi maksud seksyen ini, pihak berkuasa berwibawa boleh mengeluarkan apa-apa arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak kepada, atau mengenakan apa-apa syarat ke atas, institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu mengenai rancangan pematuhan.

(7) Institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu hendaklah mematuhi arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak yang dikeluarkan, atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (6).

(8) Mana-mana institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu yang melanggar subseksyen (1), (3), (4), (5) atau (7) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit.”.

Pindaan seksyen 21

19. Seksyen 21 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**pihak berkuasa pengawasan atau pelesenan**” dengan perkataan “**pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan atau pihak berkuasa pelesenan**”;
- (b) dalam subseksyen (1)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “Pihak berkuasa pengawasan yang berkenaan bagi sesuatu institusi pelapor atau seseorang lain yang dianggap sesuai oleh pihak berkuasa pengawasan yang berkaitan itu boleh” dengan perkataan “Pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan bagi sesuatu institusi pelapor boleh”;

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) memperoleh daripada institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu apa-apa maklumat, dokumen, rekod atau laporan yang dianggapnya sesuai bagi mengawasi institusi pelapor itu daripada terdedah kepada risiko pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan pembiayaan aktiviti terhad;” dan

(iii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “menerima pakai dan melaksanakan rancangan pematuhan dalam seksyen 19” dengan perkataan “mematuhi peruntukan Bahagian ini”;

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Bagi maksud perenggan (1)(aa), institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu hendaklah menyerahkan maklumat, dokumen, rekod atau laporan yang dikehendaki kepada pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan bagi institusi pelapor itu dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan itu.”;

(d) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “Pihak berkuasa pengawasan yang berkaitan” dengan perkataan “Pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan”; dan

(e) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Mana-mana institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu yang melanggar subseksyen (1A) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit.”.

Pemotongan seksyen 22

20. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 22.

Pindaan seksyen 25

21. Seksyen 25 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “pihak berkuasa berwibawa” perkataan “atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan, mengikut mana-mana yang berkenaan,”; dan
- (b) dalam perenggan (2)(b), dengan memasukkan selepas perkataan “transaksi” perkataan “atau aktiviti”.

Pindaan seksyen 28L

22. Subseksyen 28L(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dua belas bulan” dengan perkataan “lapan belas bulan”.

Pindaan seksyen 29

23. Seksyen 29 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(c), dengan memasukkan selepas perkataan “Bahagian IVA,” perkataan “VIA atau VIB,”; dan
- (b) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “Bahagian IVA,” perkataan “VIA atau VIB,”.

Pindaan seksyen 44

24. Seksyen 44 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “atau mana-mana harta pengganas” dengan perkataan “mana-mana harta pengganas atau harta pencambah”; dan

- (ii) dalam subperenggan (b)(i), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”;

(b) dengan memotong subseksyen (8); dan

- (c) dalam subseksyen (9), dengan memotong perkataan “(jika ada), mengikut mana-mana yang berkenaan,”.

Pindaan seksyen 44A

25. Seksyen 44A Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (4)(c)—

- (i) dalam subperenggan (i), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas subperenggan (ii) subperenggan yang berikut:

“(iia) harta pencambah;” dan

(b) dalam subseksyen (7)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) harta pencambah;”.

Pindaan seksyen 45

26. Subseksyen 45(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau sesuatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), sesuatu kesalahan membiayai keganasan atau sesuatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “harta pengganas,” perkataan “harta pencambah,”.

Pindaan seksyen 47

27. Subseksyen 47(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), kesalahan membiayai keganasan atau kesalahan membiayai aktiviti terhad”.

Pindaan seksyen 48

28. Seksyen 48 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau sesuatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), sesuatu kesalahan membiayai keganasan atau sesuatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”; dan
- (b) dalam perenggan (3)(c), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1), sesuatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), sesuatu kesalahan membiayai keganasan, sesuatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”.

Pindaan seksyen 49

29. Seksyen 49 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhadap”;
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Jika Pendakwa Raya berpuas hati berdasarkan maklumat yang diberikan kepadanya oleh seseorang pegawai penyiasat untuk mengesyaki bahawa mana-mana orang yang kepadanya notis dihantar oleh Pendakwa Raya di bawah subseksyen (1) mempunyai, memiliki, mengawal atau memegang apa-apa kepentingan dalam apa-apa harta yang berlebih-lebihan, setelah diambil kira emolumen atau pendapatannya yang sekarang dan lalu dan segala hal keadaan lain yang berkaitan, Pendakwa Raya boleh melalui arahan bertulis menghendaki orang itu untuk memberikan suatu pernyataan dengan bersumpah atau berikrar yang menjelaskan bagaimana dia mampu mempunyai, memiliki, mengawal atau memegang lebihan itu.

(3B) Mana-mana orang yang tidak memberikan penjelasan yang memuaskan bagaimana dia mampu mempunyai, memiliki, mengawal atau memegang apa-apa kepentingan dalam apa-apa harta yang berlebih-lebihan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.”; dan
- (c) dalam subseksyen (4) dan (5), dengan memasukkan selepas perkataan “notis” di mana-mana jua terdapat perkataan “atau arahan”.

Pindaan seksyen 50**30. Seksyen 50 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) harta pencambah;”; dan

(b) dalam subseksyen (1A), dengan menggantikan perkataan “Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan,” dengan perkataan “pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan”.

Pindaan seksyen 51**31. Subseksyen 51(1) Akta ibu dipinda—**

(a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) harta pencambah;”; dan

(c) dengan menggantikan perkataan “disita oleh pegawai penyiasat” dengan perkataan “, keseluruhannya atau sebahagiannya, disita oleh pegawai penyiasat, dan Pendakwa Raya boleh mengubah atau membatalkan perintah itu”.

Pindaan seksyen 52

32. Seksyen 52 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(a), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”; dan
- (b) dalam subseksyen (1A), dengan memasukkan selepas perkataan “Pendakwa Raya” perkataan “dan pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan”.

Pindaan seksyen 52A

33. Seksyen 52A Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “dua belas bulan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “lapan belas bulan”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “suatu kesalahan di bawah Akta ini” perkataan “atau tiada pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini telah dimulakan berkenaan dengan apa-apa harta yang disita di bawah perintah itu”.

Pindaan seksyen 53

34. Seksyen 53 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”;

- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) harta pencambah;”; dan

- (iii) dengan menggantikan perkataan “suatu permohonan” dengan perkataan “suatu permohonan *ex parte*”;

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) harta pencambah;”;

(c) dalam subseksyen (3)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “habis tempoh dua belas bulan” dengan perkataan “tamat tempoh lapan belas bulan”; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “di bawah Akta ini” perkataan “atau tiada pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini telah dimulakan berkenaan dengan apa-apa harta yang disita di bawah perintah itu”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Pendakwa Raya boleh, sebelum tamat tempoh perintah di bawah subseksyen (3), membuat suatu permohonan *ex parte* yang disokong oleh affidavit kepada seorang hakim Mahkamah Tinggi untuk melanjutkan tempoh perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2).

(5) Mahkamah boleh membenarkan permohonan untuk melanjutkan tempoh perintah yang dibuat di bawah subseksyen (4) bagi suatu tempoh tidak melebihi dua belas bulan dari tarikh tamat tempoh perintah di bawah subseksyen (3).”.

Pindaan seksyen 55

35. Seksyen 55 Akta itu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) harta pencambah;” dan

(b) dalam subseksyen (3)—

(i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) harta pencambah;”.

Pindaan seksyen 56**36. Seksyen 56 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Tertakluk pada seksyen 61, jika berkenaan dengan apa-apa harta yang disita di bawah Akta ini tiada pendakwaan atau sabitan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad, Pendakwa Raya boleh memohon kepada seorang hakim Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan suatu perintah pelucuthakan harta itu—

- (a) dalam hal tiada pendakwaan, sebelum tamat tempoh lapan belas bulan dari tarikh perintah penyitaan itu, atau jika terdapat suatu perintah pembekuan, lapan belas bulan dari tarikh perintah pembekuan itu; atau

- (b) dalam hal tiada sabitan, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh tiada sabitan itu.”;

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Pendakwa Raya dalam membuat permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah berpuas hati bahawa harta itu ialah—

- (a) hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan kesalahan itu;

- (b) harta pengganas;

- (c) harta pencambah;

- (d) hasil daripada suatu aktiviti haram; atau

- (e) peralatan kesalahan.”;

(c) dalam perenggan (2)(a)—

(i) dalam subperenggan (i), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas subperenggan (ii) subperenggan yang berikut:

“(iia) harta pencambah;”;

(d) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “dua belas bulan” dengan perkataan “lapan belas bulan”; dan

(e) dalam subseksyen (4)—

(i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) harta pencambah;”.

Pindaan seksyen 58

37. Subseksyen 58(5) Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (a)—

(i) dalam subperenggan (i), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan

“subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas subperenggan (ii) subperenggan yang berikut:

“(iia) harta pencambah;”; dan

(b) dalam perenggan (b)—

- (i) dalam subperenggan (i), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas subperenggan (ii) subperenggan yang berikut:

“(iia) harta pencambah;”.

Pindaan seksyen 59

38. Seksyen 59 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) harta pencambah;”;

(b) dalam subseksyen (3)—

(i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) harta pencambah;” dan

(c) dalam subseksyen (4)—

(i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 4(1) atau suatu kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “subseksyen 4(1) atau 4A(2), suatu kesalahan membiayai keganasan atau suatu kesalahan membiayai aktiviti terhad”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) harta pencambah;”.

Pindaan seksyen 61

39. Seksyen 61 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Mana-mana pihak ketiga yang tidak hadir di hadapan mahkamah pada tarikh yang dinyatakan dalam notis yang disiarkan di bawah subseksyen (2) tidak boleh membuat apa-apa tuntutan selepas suatu perintah pelucuthakan dibuat di bawah subseksyen 28L(1) atau (3), 55(1) atau 56(2).”; dan

- (b) dalam perenggan (4)(b), dengan menggantikan perkataan “atau Bahagian IVA, atau kesalahan membiayai keganasan” dengan perkataan “atau 4A(2), Bahagian IVA, kesalahan membiayai keganasan atau kesalahan membiayai aktiviti terhad”.

Pindaan seksyen 66A

40. Seksyen 66A Akta ibu dipinda—

- (a) dalam takrif “perbuatan keganasan”, dengan menggantikan koma bernoktah di hujung takrif itu dengan noktah; dan
- (b) dengan memotong takrif “pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan”.

Pindaan seksyen 66B

41. Seksyen 66B Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan” dengan perkataan “pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan, mengikut mana-mana yang berkenaan,”;
- (b) dalam subseksyen (3)—
 - (i) dalam perenggan (a), (b) dan (c), dengan menggantikan perkataan “tiada warganegara Malaysia dan tiada pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di Malaysia” dengan perkataan “tiada seorang pun”; dan
 - (ii) dalam perenggan (d)—
 - (A) dengan menggantikan perkataan “tiap-tiap warganegara Malaysia dan tiap-tiap pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di Malaysia” dengan perkataan “tiap-tiap orang”; dan

(B) dalam subperenggan (i), dengan menggantikan perkataan “dalam milikan atau kawalannya yang warganegara atau pertubuhan perbadanan itu mempunyai” dengan perkataan “dalam milikan atau kawalannya yang dia mempunyai”; dan

(c) dalam subseksyen (11)—

(i) dengan menggantikan perkataan “mengarahkan pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan” dengan perkataan “mengarahkan pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan, mengikut mana-mana yang berkenaan,”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan itu” dengan perkataan “pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan itu”.

Pindaan seksyen 66D

42. Seksyen 66D Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan” dengan perkataan “pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan, mengikut mana-mana yang berkenaan,”; dan

(b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “Pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan” dengan perkataan “Pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan, mengikut mana-mana yang berkenaan,”.

Pindaan seksyen 66E**43. Seksyen 66E Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**Arahan dan garis panduan**” dengan perkataan “**Arahan, dsb.,**”;
- (b) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan boleh mengeluarkan apa-apa arahan dan garis panduan kepada” dengan perkataan “pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengeluarkan apa-apa arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak kepada, atau mengenakan apa-apa syarat ke atas,”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “sebagaimana yang didapati perlu oleh pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan itu” dengan perkataan “sebagaimana yang didapati perlu oleh pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan itu”;
- (c) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “suatu arahan atau garis panduan dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi arahan atau garis panduan itu” dengan perkataan “suatu arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak dikeluarkan, atau suatu syarat dikenakan di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan, kehendak atau syarat itu”;
- (d) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “arahan atau garis panduan yang dibuat” dengan perkataan “arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak yang dikeluarkan, atau mana-mana syarat yang dikenakan”;

- (e) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Sesuatu institusi tidak boleh menzahirkan mana-mana arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak yang dikeluarkan, atau apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1) jika pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, memberitahu institusi itu bahawa pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan itu berpendapat bahawa penzahiran itu bertentangan dengan kepentingan awam.”;

- (f) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “arahan atau garis panduan yang dikeluarkan kepadanya” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak yang dikeluarkan kepada, atau syarat yang dikenakan ke atas, institusi itu”; dan

- (g) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “Pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan itu” dengan perkataan “Pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan,”.

Seksyen baharu 66G

- 44.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 66F seksyen yang berikut:

“Pemeriksaan pematuhan Bahagian VIA

66G. (1) Pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh memeriksa, mengawas, mengawal selia dan menentusahkan, melalui pemeriksaan kerap, mana-mana institusi di bawah kawal selia atau pengawasannya untuk memastikan institusi itu mematuhi Bahagian ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan boleh memberi seseorang pemeriksa kuasa untuk—

- (a) memeriksa mana-mana rekod atau laporan institusi itu berhubung dengan obligasinya di bawah Bahagian ini, yang disimpan di, atau dapat dicapai dari, premis institusi itu;
- (b) memeriksa apa-apa sistem yang digunakan oleh institusi itu di premisnya bagi menyimpan rekod atau laporan itu;
- (c) menanyakan apa-apa soalan berhubung dengan apa-apa rekod, sistem atau laporan institusi itu; dan
- (d) membuat apa-apa catatan atau mengambil apa-apa salinan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana transaksi atau aktiviti perniagaan institusi itu.

(3) Dalam menjalankan kuasa di bawah subseksyen (2), pemeriksa itu boleh memeriksa—

- (a) seseorang yang, atau pernah pada bila-bila masa, menjadi pengarah, pegawai atau ejen institusi itu;
- (b) seseorang yang, atau pernah pada bila-bila masa, menjadi pelanggan atau selainnya mempunyai urusan dengan institusi itu; atau
- (c) seseorang yang dia percaya tahu tentang fakta dan hal keadaan kes itu, termasuk seseorang juruaudit atau seseorang peguam bela dan peguam cara institusi itu.

(4) Mana-mana orang yang diperiksa di bawah seksyen ini hendaklah—

- (a) memberikan apa-apa dokumen atau maklumat kepada pemeriksa itu dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh pemeriksa itu; atau

(b) hadir di hadapan pemeriksa itu di pejabatnya apabila dipanggil untuk berbuat demikian pada bila-bila masa yang ditentukan oleh pemeriksa itu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, hendaklah sebagai tambahan didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya yang kesalahan itu terus dilakukan.

(6) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain, seseorang ejen, termasuk seseorang juruaudit atau seseorang peguam bela dan peguam cara sesuatu institusi, tidaklah bertanggungjawab bagi kemungkiran sesuatu kontrak yang berhubungan dengan, atau sesuatu kewajipan, kerahsiaan kerana memberikan apa-apa dokumen atau maklumat kepada pemeriksa itu.”.

Bahagian baharu VIb

45. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian VIA bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN VIb

PENUMPASAN KESALAHAN MEMBIAYAI AKTIVITI TERHAD

Kesalahan membiayai aktiviti terhad

66H. Mana-mana orang yang, secara langsung atau tidak langsung, menyediakan atau menjadikan tersedia perkhidmatan kewangan atau harta—

(a) dengan niat supaya perkhidmatan kewangan atau harta itu digunakan, atau dengan menyedari atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa perkhidmatan kewangan atau harta itu akan digunakan, secara keseluruhannya atau sebahagiannya, bagi maksud

untuk melakukan atau memudahkan pelakuan suatu aktiviti terhad, atau bagi maksud memanfaatkan mana-mana orang yang melakukan atau memudahkan pelakuan suatu aktiviti terhad; atau

- (b) dengan menyedari atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa, secara keseluruhannya atau sebahagiannya, perkhidmatan kewangan atau harta itu akan digunakan oleh atau akan memanfaatkan mana-mana pencambah,

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada harta pencambah itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau lima juta ringgit, yang mana yang lebih tinggi.

Arahan, dsb., untuk menunaikan obligasi antarabangsa Kerajaan

66i. (1) Bagi maksud Bahagian ini, pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengeluarkan apa-apa arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak kepada, atau mengenakan syarat ke atas, institusi di bawah kawal selia atau pengawasannya, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi itu sebagaimana yang didapati perlu oleh pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan itu untuk menunaikan atau memudahkan penunaian apa-apa obligasi yang mengikat Malaysia menurut kuasa sesuatu keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi pencegahan kesalahan membiayai aktiviti terhad.

(2) Sesuatu institusi, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi itu yang kepadanya suatu arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak dikeluarkan, atau syarat dikenakan di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi arahan, petunjuk,

garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan, kehendak atau syarat itu walau apa pun apa-apa kewajipan lain yang dikenakan ke atas institusi, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi itu oleh mana-mana rukun undang-undang, undang-undang bertulis atau kontrak.

(3) Sesuatu institusi, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi itu tidak boleh, dalam menjalankan apa-apa perbuatan dengan mematuhi mana-mana arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak yang dikeluarkan, atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1), dianggap sebagai melanggar mana-mana rukun undang-undang, undang-undang bertulis atau kontrak.

(4) Mana-mana institusi, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi yang—

- (a) tidak atau enggan mematuhi sesuatu arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak yang dikeluarkan, atau syarat yang dikenakan; atau
- (b) melanggar mana-mana arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak yang dikeluarkan, atau syarat yang dikenakan,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit.

Pemeriksaan pematuhan Bahagian VIb

66j. (1) Pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh memeriksa, mengawas, mengawal selia dan menentusahkan, melalui pemeriksaan kerap, mana-mana institusi di bawah kawal selia atau pengawasannya untuk memastikan institusi itu mematuhi Bahagian ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan boleh memberi seseorang pemeriksa kuasa untuk—

- (a) memeriksa mana-mana rekod atau laporan institusi itu berhubung dengan obligasinya di bawah Bahagian ini, yang disimpan di, atau dapat dicapai dari, premis institusi itu;
- (b) memeriksa apa-apa sistem yang digunakan oleh institusi itu di premisnya bagi menyimpan rekod atau laporan itu;
- (c) menanyakan apa-apa soalan berhubung dengan apa-apa rekod, sistem atau laporan institusi itu; dan
- (d) membuat apa-apa catatan atau mengambil apa-apa salinan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana transaksi atau aktiviti perniagaan institusi itu.

(3) Dalam menjalankan kuasa di bawah subseksyen (2), pemeriksa itu boleh memeriksa—

- (a) seseorang yang, atau pernah pada bila-bila masa, menjadi pengarah, pegawai atau ejen institusi itu;
- (b) seseorang yang, atau pernah pada bila-bila masa, menjadi pelanggan, atau selainnya mempunyai urusan dengan institusi itu; atau
- (c) seseorang yang dia percaya tahu tentang fakta dan hal keadaan kes itu, termasuk seseorang juruaudit atau seseorang peguam bela dan peguam cara institusi itu.

(4) Mana-mana orang yang diperiksa di bawah seksyen ini hendaklah—

- (a) memberikan apa-apa dokumen atau maklumat kepada pemeriksa itu dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh pemeriksa itu; atau

(b) hadir di hadapan pemeriksa itu di pejabatnya apabila dipanggil untuk berbuat demikian pada bila-bila masa yang ditentukan oleh pemeriksa itu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, hendaklah sebagai tambahan didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya yang kesalahan itu terus dilakukan.

(6) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain, seseorang ejen, termasuk seseorang juruaudit atau seseorang peguam bela dan peguam cara sesuatu institusi, tidaklah bertanggungjawab bagi kemungkiran sesuatu kontrak yang berhubungan dengan, atau sesuatu kewajipan, kerahsiaan kerana memberikan apa-apa dokumen atau maklumat kepada pemeriksa itu.”.

Pindaan seksyen 76

46. Perenggan 76(4)(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “rekod rasmi yang diperakui yang dikeluarkan oleh mahkamah asing itu dan disahkan dengan sewajarnya dengan meterai rasmi seorang Menteri Negara asing itu” dengan perkataan “suatu rekod prosiding rasmi yang dimeterai dan diperakui sah oleh mahkamah asing itu”.

Pindaan seksyen 78

47. Seksyen 78 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Jika pegawai yang melaksanakan mana-mana notis atau perintah di bawah subseksyen (2) berpuas hati, bagi sebab yang direkodkannya secara bertulis, bahawa notis atau perintah itu tidak dapat

disampaikan mengikut cara yang diperuntukkan dalam perenggan (2)(a), (b) atau (c), notis atau perintah itu hendaklah disampaikan dengan menampalkan notis atau perintah itu pada sesuatu tempat yang mudah dilihat di harta tak alih itu, jika ada, yang berhubung dengannya notis atau perintah itu dikeluarkan atau dibuat, atau pada sesuatu bahagian yang mudah dilihat di premis yang di dalamnya orang yang baginya notis atau perintah itu ditujukan diketahui terakhir bermastautin, terakhir digaji atau terakhir menjalankan perniagaan.”; dan

- (b) dalam subseksyen (4), dengan memotong perkataan “, dan dengan menyiarkan notis atau perintah itu dalam satu akhbar yang diedarkan di kawasan di mana tempat perniagaan yang terakhir diketahui itu terletak”.

Penggantian seksyen 83

48. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 83 dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk mengeluarkan arahan, dsb.

83. (1) Sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan kuasa pihak berkuasa berwibawa di bawah Akta ini, pihak berkuasa berwibawa boleh, setelah berunding dengan pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan, mengeluarkan apa-apa arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak kepada, atau mengenakan apa-apa syarat ke atas, sesuatu institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu sebagaimana yang perlu atau suai manfaat untuk memberikan kuat kuasa yang sepenuhnya kepada atau bagi menjalankan peruntukan Akta ini dan terutamanya bagi pengesanan atau pencegahan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan pembiayaan aktiviti terhad.

(2) Institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu hendaklah mematuhi arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak yang dikeluarkan, atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

(3) Mana-mana institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit.”.

Seksyen baharu 83A, 83B, 83C, 83D dan 83E

49. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 83 seksyen yang berikut:

“Pematuhan obligasi

83A. (1) Pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh—

- (a) mengarahkan mana-mana institusi pelapor atau institusi di bawah Bahagian VIA dan VIB, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor atau institusi itu; atau
- (b) membuat perjanjian dengan mana-mana institusi pelapor atau institusi di bawah Bahagian VIA dan VIB, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor atau institusi itu,

yang tanpa alasan munasabah telah tidak mematuhi mana-mana obligasi di bawah Akta ini, untuk melaksanakan apa-apa rancangan tindakan bagi memastikan pematuhan obligasi institusi pelapor atau institusi di bawah Bahagian VIA dan VIB, atau obligasi pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor atau institusi itu di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana institusi pelapor atau institusi di bawah Bahagian VIA dan VIB, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor atau institusi itu yang tidak mematuhi sesuatu arahan atau perjanjian di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, hendaklah sebagai tambahan didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya yang kesalahan itu terus dilakukan.

(3) Seksyen ini tidaklah menggalang, menghalang atau melarang pemulaan apa-apa pendakwaan atau tindakan pentadbiran bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

Kuasa pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan untuk mengambil tindakan pentadbiran

83B. (1) Pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan, mengikut mana-mana yang berkenaan, setelah berpuas hati bahawa adalah wajar untuk berbuat demikian, boleh mengambil apa-apa tindakan pentadbiran terhadap mana-mana orang yang melakukan suatu kemungkiran seperti yang berikut:

- (a) sedang melanggar atau telah melanggar peruntukan di bawah Bahagian IV, Bahagian VIA selain subseksyen 66B(3) atau Bahagian VIB selain seksyen 66H;
- (b) tidak mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan mana-mana arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak yang dikeluarkan, atau mana-mana syarat yang dikenakan di bawah Bahagian IV, VIA, VIB atau VII dalam hal keadaan apabila orang itu di bawah suatu obligasi untuk mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan, kehendak atau syarat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (c) tidak mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan apa-apa arahan atau perjanjian yang dibuat menurut seksyen 83A.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan boleh mengambil semua atau mana-mana tindakan pentadbiran yang berikut:

- (a) untuk mengarahkan orang yang melakukan kemungkiran itu supaya mematuhi, menuruti, menguatkuasakan atau melaksanakan mana-mana peruntukan, arahan,

petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan, kehendak atau syarat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan;

- (b) untuk mengenakan suatu penalti kewangan yang sepadan dengan beratnya atau seriusnya kemungkiran itu, tetapi dalam apa-apa hal keadaan tidak melebihi satu juta ringgit;
- (c) untuk mencela orang yang melakukan kemungkiran itu atau mengeluarkan suatu kenyataan awam berhubung dengan kemungkiran itu; atau
- (d) untuk menghendaki orang yang melakukan kemungkiran itu supaya mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang diarahkan oleh pihak berkuasa berwajib atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan untuk meremеди kemungkiran itu atau mengurangkan kesan kemungkiran itu.

(3) Pihak berkuasa berwajib atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan hendaklah mengambil kira perkara yang berikut dalam menentukan tindakan sewajarnya yang akan diambil dalam setiap hal:

- (a) keberkesanan tindakan yang akan diambil di bawah Akta ini;
- (b) perkadaran tindakan yang akan diambil dengan kemungkiran yang dilakukan;
- (c) pencegahan kemungkiran masa hadapan yang serupa keadaannya oleh orang lain; dan
- (d) apa-apa perkara lain yang dipertimbangkan sebagai berkaitan pada pendapat pihak berkuasa berwajib atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan itu.

(4) Pihak berkuasa berwajib atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan tidak boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (2) tanpa memberi orang yang melakukan kemungkiran itu suatu notis bertulis yang menyatakan tindakan yang dicadangkan dan alasan bagi tindakan itu.

(5) Orang yang melakukan kemungkiran itu hendaklah diberi peluang untuk membuat suatu representasi bertulis kepada pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis bertulis itu.

(6) Jika tiada representasi bertulis diterima oleh pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan itu dalam tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (5), pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan itu hendaklah melalui suatu notis bertulis meneruskan tindakan yang dicadangkan di bawah subseksyen (4).

(7) Jika suatu representasi bertulis diterima, pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan hendaklah, setelah mempertimbangkan representasi itu, memberi orang yang melakukan kemungkiran itu suatu notis bertulis tentang keputusannya.

(8) Suatu keputusan untuk mengambil tindakan di bawah subseksyen (6) atau (7) hendaklah berkuat kuasa dengan serta-merta atau pada apa-apa tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan, dalam notis bertulisnya.

(9) Apa-apa penalti kewangan yang dibayar oleh seseorang di bawah perenggan (2)(b) hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(10) Jika seseorang tidak membayar apa-apa penalti kewangan yang dikenakan di bawah perenggan (2)(b) dalam tempoh yang ditentukan, penalti kewangan itu boleh didapatkan semula sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan.

(11) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan daripada mengambil apa-apa tindakan lain yang ia diberikan kuasa di bawah Akta ini terhadap orang yang melakukan kemungkiran itu.

Tindakan sivil

83c. Pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh memulakan prosiding sivil di dalam mahkamah terhadap seseorang bagi mana-mana pelanggaran di bawah Bahagian IV, VIA atau VIB, atau mana-mana arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak yang dikeluarkan, atau mana-mana syarat yang dikenakan di bawah Bahagian IV, VIA, VIB atau VII, sama ada orang itu telah dipertuduh atas mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau tidak, atau sama ada suatu pelanggaran telah dibuktikan dalam sesuatu pendakwaan atau tidak.

Kuasa mahkamah untuk membuat perintah tertentu

83d. (1) Jika atas suatu permohonan yang dibuat oleh pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan, mengikut mana-mana yang berkenaan, mahkamah mendapati bahawa—

- (a) wujud kemungkinan yang munasabah bahawa mana-mana orang akan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini; atau
- (b) mana-mana orang telah melanggar suatu peruntukan Akta ini dan terdapat langkah-langkah yang boleh diambil untuk meremеди pelanggaran itu,

sama ada orang itu telah dipertuduh atas suatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran itu atau tidak atau sama ada suatu pelanggaran telah dibuktikan dalam suatu pendakwaan atau tidak, mahkamah boleh, tanpa menjejaskan apa-apa perintah yang berhak dibuat olehnya selain menurut seksyen ini, membuat semua atau mana-mana perintah yang berikut:

- (aa) suatu perintah yang menahan atau menghendaki pemberhentian pelanggaran itu;

- (bb) suatu perintah yang menghendaki orang itu, atau mana-mana orang lain, yang diketahui terlibat dalam pelanggaran itu, untuk mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah untuk meremеди atau mengurangkan kesan pelanggaran itu termasuklah membuat restitusi kepada mana-mana orang lain yang terkilan dengan pelanggaran itu;
- (cc) bagi maksud memastikan pematuhan apa-apa perintah lain di bawah seksyen ini, suatu perintah yang mengarahkan seseorang untuk melakukan atau menahan diri daripada melakukan suatu perbuatan yang dinyatakan;
- (dd) suatu perintah yang menahan orang itu daripada memperoleh, melupuskan atau selainnya membuat urusan tentang harta yang mengenainya mahkamah berpuas hati bahawa orang itu mungkin semunasabahnya akan melupuskan atau selainnya membuat urusan tentang harta itu;
- (ee) jika seseorang itu telah enggan atau tidak, atau masih enggan atau tidak, atau bercadang untuk enggan atau tidak, melakukan apa-apa perbuatan yang orang itu dikehendaki untuk melakukannya di bawah mana-mana peruntukan Akta ini, suatu perintah yang menghendaki orang itu untuk melakukan perbuatan itu;
- (ff) dalam hal jika orang itu ialah seorang ketua pegawai eksekutif, pengarah atau pengurus yang bertanggungjawab ke atas suatu institusi pelapor atau institusi, suatu perintah yang memecat orang itu daripada jawatannya atau dia dihalang daripada menjadi seorang ketua pegawai eksekutif, pengarah atau pengurus institusi pelapor atau institusi itu, atau untuk terlibat dalam pengurusan, secara langsung atau tidak langsung, institusi pelapor atau institusi itu bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang diputuskan oleh mahkamah; atau
- (gg) apa-apa perintah sampingan yang disifatkan wajar berikutan dengan pembuatan suatu perintah di bawah perenggan (aa), (bb), (cc), (dd), (ee) atau (ff).

(2) Jika suatu permohonan dibuat kepada suatu mahkamah bagi suatu perintah di bawah subseksyen (1), mahkamah itu boleh, jika pada pendapatnya adalah wajar untuk berbuat demikian, sebelum mempertimbangkan permohonan itu, membuat suatu perintah interim dan perintah itu hendaklah dinyatakan mempunyai kuat kuasa sementara menanti penentuan permohonan itu.

(3) Jika suatu permohonan dibuat kepada mahkamah bagi suatu perintah di bawah perenggan (1)(ee), mahkamah boleh membenarkan perintah itu—

- (a) jika mahkamah berpuas hati bahawa orang itu telah enggan atau tidak melakukan perbuatan yang dikehendaki itu, sama ada mahkamah mendapati atau tidak bahawa orang itu berniat sekali lagi untuk enggan atau tidak, atau terus untuk enggan atau tidak, melakukan perbuatan yang dikehendaki itu; atau
- (b) jika mahkamah mendapati bahawa sekiranya perintah sedemikian tidak dibenarkan, berkemungkinan bahawa orang itu akan enggan atau tidak melakukan perbuatan yang dikehendaki itu, sama ada atau tidak orang itu telah sebelumnya enggan atau tidak melakukan perbuatan itu atau sama ada terdapat apa-apa risiko kerugian yang hampir berlaku atau tidak kepada mana-mana orang jika orang yang dikehendaki melakukan perbuatan itu atau benda itu enggan atau tidak berbuat demikian.

(4) Jika suatu permohonan bagi suatu perintah di bawah subseksyen (1) dibuat oleh pihak berkuasa berwajib atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan, mahkamah tidak boleh, sebagai suatu syarat bagi perintah itu diberikan, menghendaki apa-apa janji tentang ganti rugi yang kena diberikan oleh atau bagi pihak berkuasa berwajib atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan itu.

(5) Mahkamah boleh menghapuskan, mengubah atau membatalkan sesuatu perintah yang dibuat olehnya di bawah seksyen ini atau menggantung kuat kuasa perintah itu.

Kuasa untuk menyiarkan maklumat

83E. Pihak berkuasa berwibawa, pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan atau agensi penguat kuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang didapatinya wajar, menyiarkan apa-apa maklumat yang difikirkannya perlu atau suai manfaat bagi kepentingan awam, iaitu—

- (a) apa-apa tindakan yang diambil di bawah Akta ini termasuk prosiding jenayah, pengkompaunan, tindakan sivil dan tindakan pentadbiran; dan
- (b) keputusan tindakan yang disebut dalam perenggan (a) termasuk keputusan mana-mana prosiding, penyelesaian dalam atau luar mahkamah berhubung dengan apa-apa kemungkiran atau pelanggaran peruntukan Akta ini.”.

Pindaan seksyen 86

50. Perenggan 86(b) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “arahan, petunjuk,” perkataan “garis panduan, surat pekeliling, piawaian”.

Pindaan seksyen 92

51. Subseksyen 92(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “lima puluh peratus daripada amaun”.

Kecualian

52. (1) Semua sebutan mengenai Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah, pada tarikh Akta ini mula berkuat kuasa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan, Pencegahan Pembiayaan Aktiviti Terhad dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

(2) Apa-apa tindakan, penyiasatan atau prosiding bagi apa-apa kemungkiran atau kesalahan di bawah Akta ibu yang dilakukan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, selepas tarikh kuat kuasa Akta ini, dijalankan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(3) Apa-apa obligasi, pemberian kuasa, liabiliti, penalti atau hukuman yang dikenakan, dibuat, terakru atau ditanggung di bawah Akta ibu, boleh diteruskan, dikuatkuasakan, dikenakan dan diuruskan, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(4) Apa-apa obligasi atau liabiliti di bawah mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh atau perjanjian yang dibuat dengan pihak berkuasa berwajib di bawah subseksyen 22(3) Akta ibu hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(5) Apa-apa perintah, peraturan-peraturan, arahan, petunjuk, pekeliling, garis panduan, penentuan, notis atau kehendak yang dibuat atau diberikan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa Akta ibu, sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat atau diberikan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, Akta ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa berhubung dengan orang yang perintah, peraturan-peraturan, arahan, petunjuk, pekeliling, garis panduan, penentuan, notis atau kehendak itu terpakai baginya sehingga dibatalkan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ("Akta 613"). Objektif utama Rang Undang-Undang ini adalah untuk mengukuhkan pengawasan dan penguatkuasaan bagi mencegah kesalahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan serta memperkenalkan peruntukan baharu berkaitan dengan kesalahan pembiayaan aktiviti terhad termasuk percambahan senjata pemusnah besar-besaran dan langkah pencegahannya bagi melindungi sistem kewangan negara daripada disalahgunakan untuk tujuan jenayah.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta 613 untuk meluaskan ruang lingkup Akta 613 untuk merangkumkan pembiayaan aktiviti terhad termasuk percambahan senjata pemusnah besar-besaran sebagai suatu kesalahan, langkah-langkah yang perlu diambil bagi mencegah kesalahan pembiayaan aktiviti terhad dan pelucuthakan harta yang terlibat dalam atau yang diperoleh daripada kesalahan pembiayaan aktiviti terhad serta harta pencambah. Berbangkit daripada itu, tajuk ringkas Akta 613 dalam subseksyen 1(1) Akta 613 dipinda oleh *fasal 3* untuk memasukkan pencegahan pembiayaan aktiviti terhad.
4. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subseksyen 3(1) Akta 613 untuk memasukkan takrif baharu tertentu dan untuk meminda takrif sedia ada tertentu yang digunakan dalam Akta 613.
5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 4(1) Akta 613 untuk menjadikan hukuman pemenjaraan dan denda sedia ada bagi kesalahan pengubahan wang haram sebagai hukuman mandatori.
6. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 7A ke dalam Akta 613 untuk memberi Menteri Kewangan kuasa, atas syor pihak berkuasa berwibawa dan setelah berunding dengan Menteri Dalam Negeri bagi maksud Bahagian VIA, untuk melantik mana-mana orang untuk menjadi pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan dan pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan itu mempunyai semua fungsi di bawah Akta 613 sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kewangan. *Fasal* ini juga memberi pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan, setelah berunding dengan Menteri Dalam Negeri bagi maksud Bahagian VIA, kuasa untuk memberi mana-mana pegawainya atau mana-mana orang lain kuasa untuk melaksanakan kesemua atau mana-mana fungsinya di bawah Akta 613 sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kewangan.
7. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 8 Akta 613 untuk memberi pihak berkuasa berwibawa kuasa untuk menghantar apa-apa laporan daripada mana-mana orang termasuk laporan institusi pelapor dan maklumat yang didapati daripada pemeriksaan yang dijalankan di bawah Bahagian VIA dan VIb kepada agensi penguat kuasa atau agensi penyelarasan. *Fasal* ini juga memberi pihak berkuasa berwibawa kuasa untuk membuat syor kepada pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan bagi sesuatu institusi pelapor, agensi penguat kuasa, agensi penyelarasan dan institusi pelapor yang berkaitan berdasarkan laporan dan maklumat yang diterima.
8. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda subseksyen 9(1) Akta 613 untuk memberi pihak berkuasa berwibawa kuasa untuk turut membenarkan agensi penyelarasan dan pegawainya yang ditentukan mendapatkan akses kepada maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa.
9. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta 613 untuk membenarkan Menteri Kewangan dan pihak berkuasa berwibawa untuk bertukar maklumat dengan kerajaan sesuatu Negara asing atau pihak berkuasa yang bersamaan Negara asing yang berkaitan dengan penyiasatan atau pendakwaan sesuatu kesalahan pembiayaan aktiviti terhad.
10. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda subseksyen 12(1) Akta 613 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang mendapat kebenaran mengakses maklumat yang ditentukan daripada pihak berkuasa berwibawa untuk menzahirkan maklumat tersebut jika maklumat itu berkenaan dengan sesuatu pendakwaan atau prosiding undang-undang berkaitan dengan pelaksanaan kesalahan pembiayaan aktiviti terhad.

11. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 613 mengenai penyimpanan rekod oleh institusi pelapor.

Subfasal 11(a) dan *(b)* bertujuan untuk meminda subseksyen 13(1) dan (3) Akta 613 untuk mengenakan obligasi kepada pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor untuk menyimpan rekod transaksi atau aktiviti domestik dan antarabangsa termasuk maklumat orang yang bertindak bagi pihak pelanggan dalam membuka akaun, menjalankan transaksi atau aktiviti itu.

Subfasal 11(c) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu (3A) dan (3B) ke dalam Akta 613 untuk mengadakan peruntukan mengenai kuasa pihak berkuasa berwajib untuk mengeluarkan apa-apa arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak kepada, atau mengenakan syarat ke atas, institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor itu dan kehendak untuk mematuhi. Peruntukan yang sama juga turut dimasukkan melalui *fasal 12, 14, 15, 17 dan 18*.

12. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda subseksyen 14(1) Akta 613 untuk mengenakan obligasi kepada institusi pelapor untuk melaporkan dengan segera kepada pihak berkuasa berwajib apa-apa transaksi, aktiviti atau harta jika transaksi, aktiviti atau harta itu berhubungan atau berkaitan dengan, digunakan atau diniatkan untuk digunakan bagi atau oleh, aktiviti terhad, pencambah atau orang yang membiayai aktiviti terhad, atau apa-apa transaksi atau aktiviti yang mencurigakan sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwajib.

13. *Fasal 14* bertujuan untuk menggantikan seksyen 15 Akta 613 untuk mengenakan obligasi kepada pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor untuk menubuhkan, mentadbir dan menyenggara suatu sistem bagi pemusatan maklumat yang dikumpul menurut Bahagian IV Akta 613.

14. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 613 untuk mengenakan obligasi kepada pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor untuk menjalankan langkah-langkah usaha wajar pelanggan.

15. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 17 Akta 613 untuk mengenakan obligasi kepada pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor untuk menyenggara rekod berhubung dengan akaun, hubungan perniagaan, transaksi atau aktiviti dengan pelanggan atau mana-mana orang serta hasil daripada apa-apa analisis yang dibuat selama tempoh sekurang-kurangnya enam tahun dari tarikh akaun ditutup atau hubungan perniagaan, transaksi atau aktiviti itu disempurnakan atau dibatalkan, mengikut mana-mana yang terkemudian. *Fasal* ini juga meniadakan kehendak tempoh masa bagi penyenggaraan rekod oleh pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor bagi pembentukan semula transaksi atau aktiviti.

16. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda seksyen 19 Akta 613 untuk mengenakan obligasi untuk menerima pakai, membangunkan dan melaksanakan rancangan, polisi, tatacara dan kawalan dalaman sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwajib kepada pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor.

17. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 613 untuk memberi pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan bagi sesuatu institusi pelapor kuasa untuk memperoleh maklumat, dokumen, rekod atau laporan daripada institusi pelapor, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor bagi mengawasi institusi pelapor daripada terdedah kepada risiko pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan pembiayaan aktiviti terhad.

18. *Fasal 20* bertujuan untuk memotong seksyen 22 Akta 613 berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan dalam *fasal 49* berhubung dengan kemasukan seksyen baharu 83A ke dalam Akta 613 mengenai pematuhan obligasi di bawah Akta 613.

19. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 25 Akta 613 untuk memberikan kuasa kepada pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan kuasa untuk memberi kuasa kepada seseorang pemeriksa bagi menjalankan pemeriksaan ke atas institusi pelapor.

20. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda seksyen 28L Akta 613 untuk memanjangkan tempoh bagi suatu permohonan oleh Pendakwa Raya untuk mendapatkan perintah pelucuthakan wang tunai, instrumen boleh niaga pembawa atau apa-apa benda lain daripada dua belas bulan kepada lapan belas bulan dari tarikh penyitaan.

21. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 29 Akta 613 untuk memperluas kuasa penyiataan oleh agensi penguat kuasa yang merangkumi kesalahan di bawah Bahagian VIA dan VIB Akta 613.

22. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 44 Akta 613.

Subfasal 24(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 44(1) Akta 613 untuk memberikan kuasa kepada agensi penguat kuasa untuk mengeluarkan suatu perintah untuk membekukan harta pencambah jika terdapat syak bahawa suatu kesalahan di bawah subseksyen 4A(2) Akta 613 berhubung dengan kesalahan penstrukturan transaksi untuk mengelak kehendak pelaporan, atau kesalahan membiayai aktiviti terhad telah, sedang atau akan dilakukan.

Subfasal 24(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 44(8) Akta 613 untuk meniadakan kehendak agensi penguat kuasa untuk menghantar salinan perintah pembekuan harta dan senarai harta yang dibekukan kepada Pendakwa Raya.

23. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda seksyen 44A Akta 613.

Subfasal 25(a) bertujuan untuk meminda perenggan 44A(4)(c) Akta 613 untuk memperluas alasan untuk menolak permohonan bagi pengubahan atau pembatalan perintah pembekuan harta oleh pegawai yang berpangkat lebih tinggi daripada pegawai yang mengeluarkan perintah pembekuan harta sekiranya terdapat syak yang munasabah bahawa harta itu merupakan hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelaksanaan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4A(2) Akta 613 atau suatu harta pencambah.

Subfasal 25(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 44A(7) Akta 613 untuk memberi Pendakwa Raya kuasa untuk menyita harta yang dilepaskan itu jika harta itu merupakan hal perkara atau keterangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4A(2) Akta 613 atau suatu harta pencambah.

24. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda subseksyen 45(1) Akta 613 untuk memberi pegawai penyiasat kuasa untuk menyita apa-apa harta alih jika terdapat alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa harta itu berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4A(2) Akta 613, kesalahan pembiayaan aktiviti terhad atau suatu harta pencambah.

25. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda subseksyen 47(1) Akta 613 untuk membenarkan Hakim Mahkamah Tinggi untuk memerintahkan peguam bela dan peguam cara supaya menzahirkan maklumat berkenaan dengan apa-apa transaksi atau urusan yang berhubungan dengan harta yang disita di bawah Akta 613 dan kesalahan membiayai aktiviti terhad apabila permohonan dibuat berhubungan dengan penyiasatan kesalahan di bawah subseksyen 4A(2) Akta 613 atau kesalahan pembiayaan aktiviti terhad.

26. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda seksyen 48 Akta 613 untuk memberi Pendakwa Raya kuasa untuk memberikan kuasa kepada seseorang pegawai penyiasat untuk menjalankan kuasa penyiasatan terhadap sesuatu institusi kewangan jika dia berpuas hati bahawa terdapat kesalahan di bawah subseksyen 4A(2) Akta 613 atau kesalahan pembiayaan aktiviti terhad.

27. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda seksyen 49 Akta 613.

Subfasal 29(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 49(1) Akta 613 untuk memberi Pendakwa Raya kuasa untuk menghendaki mana-mana orang yang disyaki melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4A(2) Akta 613 atau kesalahan pembiayaan aktiviti terhad untuk memberikan suatu pernyataan bertulis dengan bersumpah atau berikrar berhubungan dengan harta kepunyaan, atau yang dimiliki oleh, orang itu.

Subfasal 29(b) bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 3A dan 3B ke dalam Akta 613 untuk memberi Pendakwa Raya kuasa untuk menghendaki melalui arahan bertulis, orang yang telah diberikan notis bertulis oleh Pendakwa Raya di bawah subseksyen 49(1) Akta 613 untuk memberikan pernyataan bertulis dengan bersumpah atau berikrar menjelaskan bagaimana orang itu mampu mempunyai, memiliki, mengawal atau memegang apa-apa kepentingan dalam apa-apa harta yang berlebih-lebihan itu, setelah mengambil kira emolumen atau pendapatan orang itu. Kegagalan untuk memberikan penjelasan itu merupakan suatu kesalahan.

28. *Fasal 30* bertujuan untuk meminda seksyen 50 Akta 613 untuk memberi Pendakwa Raya kuasa untuk mengarahkan pegawai penyiasat untuk menyita harta alih yang dalam milikan, jagaan atau kawalan suatu institusi kewangan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4A(2) Akta 613, kesalahan pembiayaan aktiviti terhad atau suatu harta pencambah, atau mengarahkan institusi kewangan itu untuk tidak melupuskan harta alih itu.

29. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda seksyen 51 Akta 613 untuk memberi Pendakwa Raya kuasa untuk mengarahkan pegawai penyiasat untuk menyita harta tak alih yang berhubung dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah subseksyen 4A(2) Akta 613, kesalahan pembiayaan aktiviti terhad atau suatu harta pencambah.

30. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda seksyen 52 Akta 613.

Subfasal 32(a) bertujuan untuk meminda perenggan 52(1)(a) Akta 613 untuk memberikan kuasa kepada agensi penguat kuasa untuk menyita mana-mana perniagaan yang sedang dijalankan oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang terhadapnya pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen 4A(2) Akta 613 atau kesalahan pembiayaan aktiviti terhad dicadangkan untuk dimulakan.

Subfasal 32(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 52(1A) Akta 613 untuk menghendaki pegawai penyiasat yang melaksanakan penyitaan itu untuk menghantar notis mengenai penyitaan itu kepada pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan selain kepada Pendakwa Raya.

31. *Fasal 33* bertujuan untuk meminda seksyen 52A Akta 613 untuk memanjangkan tempoh kuat kuasa suatu perintah penyitaan daripada dua belas bulan kepada lapan belas bulan dari tarikh perintah penyitaan atau perintah pembekuan. *Fasal* ini juga bertujuan untuk membenarkan pemakaian tempoh lapan belas bulan tersebut dalam hal tiada pendakwaan dimulakan berkenaan dengan apa-apa harta yang disita di bawah perintah itu.

32. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda seksyen 53 Akta 613.

Subfasal 34(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 53(1) Akta 613 untuk memperluas ruang lingkup larangan berurusan dengan harta di luar Malaysia bagi harta yang berhubung dengan kesalahan pembiayaan aktiviti terhad atau suatu harta pencambah.

Subfasal 34(c) bertujuan untuk meminda subseksyen 53(3) Akta 613 untuk memanjangkan tempoh kuat kuasa suatu perintah larangan berurusan dengan harta di luar Malaysia daripada dua belas bulan kepada lapan belas bulan dari tarikh perintah larangan itu dibuat.

33. *Fasal 35* bertujuan untuk meminda seksyen 55 Akta 613 untuk memberi mahkamah kuasa untuk membuat perintah bagi pelucuthakan harta yang dibuktikan menjadi hal perkara atau keterangan yang berhubung dengan kesalahan pembiayaan aktiviti terhad atau suatu harta pencambah.

34. *Fasal 36* bertujuan untuk meminda seksyen 56 Akta 613.

Subfasal 36(a) bertujuan untuk menggantikan subseksyen 56(1) Akta 613 untuk memanjangkan tempoh bagi Pendakwa Raya membuat permohonan bagi pelucuthakan harta daripada dua belas bulan kepada lapan belas dari tarikh perintah penyitaan dalam hal tiada pendakwaan dan dalam tempoh tiga bulan dalam hal tiada sabitan.

Subfasal 36(c) bertujuan untuk meminda subseksyen 56(3) Akta 613 untuk memanjangkan tempoh kuat kuasa perintah penyitaan daripada dua belas bulan kepada lapan belas bulan dari tarikh perintah penyitaan sekiranya tiada permohonan pelucuthakan harta dibuat.

35. *Fasal 38* bertujuan untuk meminda seksyen 59 Akta 613 untuk memberi mahkamah kuasa untuk membuat suatu perintah penalti kewangan terhadap seseorang yang daripadanya harta telah dilucuthakkan berkenaan dengan faedah yang diperoleh oleh orang itu daripada melakukan kesalahan pembiayaan aktiviti terhad atau suatu harta pencambah.

36. *Fasal 39* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 61(2A) ke dalam Akta 613 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana pihak ketiga yang tidak hadir di hadapan mahkamah selepas suatu notis disiarkan tidak boleh membuat apa-apa tuntutan selepas suatu perintah pelucuthakan dibuat.

37. *Fasal 40* bertujuan untuk meminda seksyen 66A Akta 613 untuk meniadakan takrif “pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan” berbangkit daripada kemasukan seksyen baharu 7A ke dalam Akta 613 melalui *fasal 6*.

38. *Fasal 41* bertujuan untuk meminda seksyen 66B Akta 613.

Subfasal 41(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 66B(2) Akta 613 untuk membolehkan Menteri Dalam Negeri untuk berunding dengan pihak berkuasa berwibawa, selain pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan atau mana-mana badan atau agensi lain, bagi maksud mengisytiharkan mana-mana entiti sebagai suatu entiti ditetapkan melalui suatu perintah yang disiarkan dalam *Warta* dan untuk memudahkan pelaksanaan perintah itu.

Subfasal 41(c) bertujuan untuk meminda subseksyen 66B(11) Akta 613 untuk memberi Menteri Dalam Negeri kuasa untuk mengarahkan pihak berkuasa berwibawa, selain pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan, untuk mengeluarkan perintah, arahan atau pekeliling kepada mana-mana institusi di bawah kawal selia atau pengawasan mereka.

39. *Fasal 42* bertujuan untuk meminda seksyen 66D Akta 613 untuk memberi Menteri Dalam Negeri kuasa untuk menghendaki mana-mana orang yang memiliki atau mengawal harta pengganas atau harta yang dipunyai atau dikawal oleh atau bagi pihak suatu entiti ditetapkan untuk melaporkan status harta itu kepada pihak berkuasa berwibawa, selain pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan yang berkaitan, dan pihak berkuasa berwibawa itu hendaklah melaporkan dengan segera kepada Menteri Dalam Negeri.

40. *Fasal 43* bertujuan untuk meminda seksyen 66E Akta 613 untuk memberi pihak berkuasa berwibawa kuasa untuk mengeluarkan arahan, petunjuk, dsb., kepada institusi di bawah kawal selia atau pengawasannya.

41. *Fasal 44* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 66G ke dalam Akta 613 untuk mengadakan peruntukan bagi pemeriksaan pematuhan Bahagian VIA.

42. *Fasal 45* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu VIB ke dalam Akta 613.

Bahagian baharu VIb yang dicadangkan bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 66H, 66I dan 66J ke dalam Akta 613.

Seksyen baharu 66H yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi kesalahan membiayai aktiviti terhad dan hukumannya.

Seksyen baharu 66I yang dicadangkan memperuntukkan bahawa pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan boleh mengeluarkan apa-apa arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak kepada, atau mengenakan apa-apa syarat ke atas, institusi di bawah kawal selia atau pengawasan mereka untuk menunaikan apa-apa obligasi yang mengikat Malaysia menurut kuasa sesuatu keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi maksud Bahagian baharu VIb Akta 613 yang dicadangkan.

Seksyen baharu 66J yang dicadangkan memberi pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan kuasa untuk menjalankan pemeriksaan ke atas institusi di bawah kawal selia atau pengawasan mereka bagi pematuhan Bahagian baharu VIb Akta 613 yang dicadangkan.

43. *Fasal 46* bertujuan untuk meminda perenggan 76(4)(b) Akta 613 untuk meniadakan kehendak untuk mendapatkan perakuan rekod rasmi prosiding mahkamah negara asing dan pengesahan oleh Menteri Negara asing dalam membuktikan apa-apa pensabitan atau pembebasan di hadapan suatu mahkamah asing dan melalui pindaan ini adalah mencukupi bagi rekod rasmi prosiding itu dimeterai dan diperakui oleh mahkamah asing itu.

44. *Fasal 47* bertujuan untuk meminda seksyen 78 Akta 613 untuk meniadakan kehendak penyiaran di dalam akhbar bagi apa-apa notis, perintah atau dokumen yang dikehendaki untuk disampaikan di bawah Akta 613.

45. *Fasal 48* bertujuan untuk menggantikan seksyen 83 Akta 613 untuk memberi pihak berkuasa berwibawa kuasa untuk mengeluarkan arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak, atau mengenakan apa-apa syarat yang berhubungan dengan mana-mana peruntukan di bawah Akta 613. *Fasal* ini juga memperuntukkan bagi kesalahan tidak mematuhi arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak yang dikeluarkan, atau syarat yang dikenakan, dan hukumannya.

46. *Fasal 49* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 83A, 83B, 83C, 83D dan 83E ke dalam Akta 613.

Seksyen baharu 83A yang dicadangkan memberi pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan kuasa untuk mengarahkan, atau membuat perjanjian dengan, suatu institusi pelapor atau institusi, atau pengarah, pegawai atau pekerja institusi pelapor atau institusi itu untuk melaksanakan apa-apa pelan tindakan bagi memastikan pematuhan obligasi di bawah Akta 613.

Seksyen baharu 83B yang dicadangkan bertujuan untuk memberi pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan kuasa untuk mengambil tindakan pentadbiran bagi apa-apa pelanggaran Bahagian IV, Bahagian VIA selain subseksyen 66B(3) atau Bahagian VIB selain seksyen 66H.

Seksyen baharu 83C yang dicadangkan memberi pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan kuasa untuk mengambil apa-apa tindakan sivil bagi apa-apa pelanggaran di bawah Bahagian IV, VIA atau VIB Akta 613, atau mana mana arahan, petunjuk, garis panduan, surat pekeliling, piawaian, notis, penentuan atau kehendak yang dikeluarkan, atau syarat yang dikenakan di bawah Bahagian IV, VIA, VIB atau VII Akta 613.

Seksyen baharu 83D yang dicadangkan memberi mahkamah kuasa untuk membuat suatu perintah tertentu bagi apa-apa tindakan sivil yang diambil oleh pihak berkuasa berwibawa atau pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan.

Seksyen baharu 83E yang dicadangkan memberikan kuasa kepada pihak berkuasa berwibawa, pihak berkuasa kawal selia atau pengawasan atau agensi penguat kuasa untuk menyiarkan apa-apa maklumat berhubung dengan apa-apa tindakan yang diambil di bawah Akta 613 atau keputusan tindakan yang diambil itu yang difikirkannya wajar bagi maksud kepentingan awam.

47. *Fasal 50* bertujuan untuk meminda perenggan 86(b) Akta 613 untuk memperluas ruang lingkup kesalahan am untuk merangkumi pelanggaran garis panduan, surat pekeliling dan piawaian.

48. *Fasal 51* bertujuan untuk meminda subseksyen 92(1) Akta 613 untuk meniadakan had kompaun sebanyak lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi suatu kesalahan yang boleh dikenakan oleh pihak berkuasa berwibawa atau agensi penguat kuasa dan melalui pindaan ini, pihak berkuasa berwibawa atau agensi penguat kuasa boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta 613 dengan denda maksimum yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

49. *Fasal 52* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.

50. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan kewangan tambahan.

[PN(U2)3398]